



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
PEKELILING PENDAFTAR**

---

Tarikh : /2. Ogos 2010

Bil. 4/2010

Ruj : UMS/PN2.1/P5/2

---

**PELAKSANAAN SISTEM E-JOBS**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi menjelaskan pelaksanaan sistem E-Jobs di Universiti Malaysia Sabah.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejajar dengan usaha meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan pentadbiran Universiti, maka Jabatan Pendaftar melalui Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah melaksanakan sistem E-Jobs.
- 2.2 E-Jobs adalah satu sistem pengiklanan pelbagai gred jawatan (kecuali jawatan Pegawai Utama Universiti) dan permohonan jawatan melalui pengisian dan penghantaran maklumat permohonan secara online.
- 2.3 Sebelum ini, iklan dan permohonan jawatan dilaksanakan secara manual melalui akhbar tempatan dan nasional, manakala permohonan dilaksanakan melalui Borang Permohonan Jawatan (Akademik dan Bukan Akademik).
- 2.4 Melalui sistem ini, kos pengiklanan dan penyediaan Borang Permohonan Jawatan dapat dikurangkan, dan proses tapisan kelayakan dapat disingkatkan.
- 2.5 Sistem ini telah dibangunkan oleh Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) menggunakan aplikasi/teknologi web, manakala pengisianya dibangunkan dan diselaraskan oleh BSM, Jabatan Pendaftar.
- 2.6 Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) yang bersidang pada 04 Jun 2010 Bil. 9/2010 (Kali Ke-115) telah meluluskan penggunaan dan pelaksanaan sistem ini.

**3.0 OBJEKTIF**

Objektif sistem E-Jobs ini dilaksanakan adalah seperti berikut

- 3.1 Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan;
- 3.2 Memudahkan proses kerja penapisan calon-calon yang memohon jawatan; dan,
- 3.3 Mengurangkan beban pengendalian dan pengurusan logistik dokumen fizikal.

#### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Sistem ini telah mula dilaksanakan pada 15 Julai 2009 untuk permohonan jawatan bukan akademik.
- 4.2 Aplikasi bagi jawatan **akademik** dibuka sepanjang tahun dengan pengemaskinian bidang-bidang pengkhususan yang diperlukan dari masa ke semasa oleh BSM.
- 4.3 Bagi jawatan **bukan akademik** dibuka setelah keperluan dari J/S/P/I/U perlu dipenuhi dan memenuhi kekosongan waran jawatan.
- 4.4 Kalendar temuduga disediakan dan wakil-wakil J/S/P/I/U diminta untuk membuat tapisan calon-calon yang memohon di J/S/P/I/U masing-masing dan mengemaskinikan maklumat calon-calon yang layak dipanggil untuk temuduga dalam sistem E-Jobs.
- 4.5 Setiap J/S/P/I/U diberikan nama pengguna (ID) dan katalaluan bagi mengakses permohonan yang dibuat ke SPIU masing-masing. Katalaluan hendaklah ditukar setelah login pertama dibuat untuk tujuan keselamatan. URL bagi aplikasi E-Jobs adalah <http://ejobs.ums.edu.my>.
- 4.6 Bagi jawatan **akademik** pemakluman status permohonan calon akan dikemaskinikan oleh BSM manakala S/P/I/U bertanggungjawab untuk mengemaskinikan status layak atau tidak layak temuduga terhadap setiap calon yang memohon di dalam sistem.
- 4.7 Istilah Layak, Separa Layak dan Tidak Layak yang diberikan oleh sistem bermaksud:-
  - 4.7.1 **Layak**, calon melengkapkan maklumat akademik sekurang-kurangnya di ruangan kelayakan sarjana.
  - 4.7.2 **Separa Layak**, calon melengkapkan maklumat akademik di ruangan kelayakan sarjana muda.
  - 4.7.3 **Tidak Layak**, calon tidak mengisi maklumat akademik di ruangan kelayakan sarjana muda.
- 4.8 Carta alir proses permohonan jawatan akademik melalui sistem E-Jobs adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 4.9 Bagi jawatan **bukan akademik** pemakluman status permohonan calon akan dikemaskinikan oleh BSM manakala J/S/P/I/U bertanggungjawab untuk mengemaskinikan status layak Saringan 1, Saringan 2 dan Saringan Akhir terhadap setiap calon yang memohon di dalam sistem. Istilah Layak Saringan 1, Saringan 2 dan Saringan Akhir yang diberikan oleh sistem bermaksud:-
  - 4.9.1 **Saringan 1**, layak untuk mengikuti Ujian/Temu duga Pertama (mengikut keperluan jawatan).
  - 4.9.2 **Saringan 2**, layak untuk mengikuti Temu duga Pertama/Temu duga Kedua (mengikut keperluan jawatan).
  - 4.9.3 **Saringan Akhir**, layak atau berjaya untuk jawatan tersebut. (senarai akan dihantar ke pihak BSM).
- 4.10 Kaedah mesyuarat pemilihan Jawatankuasa Pemilih di peringkat J/S/P/I/U adalah tertakluk kepada kesesuaian di J/S/P/I/U masing-masing.

- 4.11 BSM akan memberi makluman kepada J/S/P/I/U untuk mengemaskinikan status calon-calon yang layak ditemuduga bagi memastikan tiada J/S/P/I/U yang tertinggal apabila sesuatu eksesais temuduga dijalankan.
- 4.12 Carta alir proses permohonan jawatan bukan akademik melalui sistem e-jobs adalah seperti di **Lampiran 2**.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh sistem ini dilaksanakan iaitu pada **15 Julai 2009**.

Sekian. Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

**MEJ. (K) ABDULLAH HJ. MOHD. SAID**  
Pendaftar

Tarikh : **12** Ogos 2010

- s.k. ➔ Naib Canselor  
➔ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
➔ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
➔ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
➔ Fail

## LAMPIRAN 1

### LANGKAH-LANGKAH PROSES PENAPISAN EJOBS

- Sila login melalui pautan <http://ejobs.ums.edu.my> dan pilih **kategori Akademik** serta klik login untuk log masuk ke akaun panel.



- Anda akan lihat paparan seperti dibawah, sila masukkan **ID** dan **katalaluan** yang diberikan.

The screenshot shows the 'SISTEM PERMOHONAN JAWATAN (E-JOBS)' login page. At the top, there is a logo of a person in a suit and the text 'KATEGORI PERMOHONAN / APPLICATION CATEGORY: AKADEMIK / ACADEMIC'. Below this, there is a placeholder icon for a user profile. The text 'Borang Permohonan Jawatan **Akademik**' and 'Application Form For **Academic** Posts' is displayed. The login form has two text input fields: 'ID Pengguna/ *User ID*' containing 'sktm' and 'Kata Laluan/ *Password*' containing '\*\*\*\*\*'. To the right of these fields are buttons 'Masukkan ID Panel' and 'Masukkan katalaluan'. Below the password field are 'Login' and 'Reset' buttons. Further down the page, there are links for 'Pendaftaran Baru?/ *New Registration?*', 'Lupa Katalaluan?/ *Forgot Password?*', and 'Lupa No. Rujukan?/ *Forgot Reference Number?*'.

3. Setelah login berjaya, klik pada pautan <<sini>> untuk melihat senarai pemohonan.

**Login berjaya. Selamat datang Admin ke Sistem E-Jobs.**

Klik << sini >> untuk melihat senarai permohonan.

4. Paparan adalah seperti dibawah:

PENDAFTARAN E-JOBS			
Jumlah Permohonan hingga hari ini : 54			
No	Kod	Jawatan	JUMLAH
1	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Electrical a...	7
2	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Perisian (Software Engineering)...	5
3	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Pengurusan Sistem & Rangkaian (System and Network ...	7
4	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Mekanikal (Mechanical Engineering)...	6
5	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Kimia (Chemical Engineering)...	4
6	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Awam (Civil Engineering)...	8
7	DS-PP-001	Pensyarah DS45 Kejuruteraan Komputer (Computer Engineering)...	6
8	DS-PP-002	Pensyarah Kanan DS51 Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Electrical a...	2
Pencarahan Kanan DS51			

MENU	
<b>SENARAI PERMOHONAN (AKADEMIK)</b>	Senarai pemohon yang terdiri daripada kategori layak dan separa layak.  Layak: Memenuhi Tahap Pendidikan dan Bidang yang berkaitan.  Separa layak: Memenuhi Tahap Pendidikan dengan bidang yang tidak berkaitan.
<b>LAYAK (UJIAN/TEMUDUGA)</b>	Senarai pemohon yang layak untuk mengikuti ujian/temuduga (bergantung kepada keperluan jawatan)
<b>TUKAR KATALALUAN</b>	Tukar katalaluan admin panel
<b>LOGOUT</b>	Log keluar dari system ejobs

5. Klik pada jawatan untuk melihat senarai permohonan seperti dibawah:

#### SENARAI PERMOHONAN E-JOBS

Pensyarah DS45 (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Electrical and Electronics Engineering))					
<input type="text"/> Cari berdasarkan Keyword : <input type="text"/> (Nama/No. Kad Pengenalan) Status Pendaftaran : <input type="text"/> Dalam Proses Kategori : <input type="text"/> Semua <input type="button" value="Search"/> <input type="button" value="Clear"/>					
<b>Nota:</b> <b>S1:</b> Layak untuk mengikuti Ujian/ Temuduga Pertama <b>S2:</b> Layak untuk Temuduga Pertama (Lulus Ujian) / Temuduga Kedua (Temuduga Pertama Berjaya) <b>Sila klik nama pemohon untuk melihat butiran permohonan.</b>					
No	Nama/IC /Asal	Umur Jantina BM	Gred/CGPA Exp. Cocu	Institut/Sekolah Bidang	
1	<b>TAHER BIN MADO</b> 781209125491 <b>SABAH</b> TelNo:088262488 HP:0138844880	30 L 1	3.33 ada ada	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Sains Maklumat	<b>Layak</b>
2	<b>FREDDY PRASETIA BIN RIDHUAN</b> 730220715089 <b>RIAU</b> TelNo:087416548 HP:0168015473	36 L 1	3.18 ada ada	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	<b>Layak</b>
3	<b>DEVON BIN MULANDA</b> 831114125547 <b>SABAH</b> TelNo:0145708083 HP:0138536129	26 L 1	2.70 ada ada	TIADA Kejuruteraan Elektronik	<b>Layak</b>

Klik sini jika pemohon layak untuk menduduki ujian/temuduga

6. Untuk melayakkan pemohon, klik pada pautan layak, laman seterusnya akan dipaparkan:

#### LAYAK UJIAN/TEMUDUGA

Nama Jawatan	:	Pensyarah (DS45)
No. Kad Pengenalan	:	781209125491
Nama	:	<b>TAHER BIN MADO</b>
Umur	:	30
Jantina	:	L
Asal	:	Sabah
No. Tel *	:	088262488
No. Tel Birabit *	:	0138844880
Universiti/Kolej/Sekolah	:	
<input type="button" value="Layak Ujian/Temuduga"/>		

Klik pada butang Layak Ujian/Temuduga untuk menyenaraikan pemohon dalam senarai layak ujian/temuduga

#### NOTA:

Pemohon yang dilayakkan ke senarai **LAYAK (UJIAN/TEMUDUGA)** akan tersembunyi dari paparan **SENARAI PERMOHONAN (AKADEMIK)**

7. Untuk mengembalikan rekod pemohon ke **SENARAI PERMOHONAN (AKADEMIK)**, panel boleh klik pada pautan kembali:

SENARAI PERMOHONAN E-JOBS

LAYAK UJIAN/TEMUDUGA

Pensyarah DS45 (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Electrical and Electronics Engineering))

**Nota:**


**Pra:** Kembali ke senarai biasa (Belum Layak untuk mengikuti Ujian atau Temuduga)

[Cetak Senarai](#)

No	Nama/IC /Asal	Umur Jantina	BM BI MATH	Institut/Sekolah	Major	Gred/CGPA Exp. Cocu	Pra
1	<b>FREDDY PRASETIA BIN RIDHUAN</b> 730220715089 RIAU TelNo:087416548 HP:0168015473	36 L	1 Tiada	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	3.18 ada ada	<a href="#">Kembali</a>

Klik pautan kembali untuk mengembalikan rekod pemohon ke senarai permohonan

## FASA DALAM PROSES PEMILIHAN CALON MELALUI APLIKASI E-JOBS



## CARTA ALIRAN KESELURUHAN URUSAN PENGAMBILAN

